



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

Utama	Profil Kementerian ▾	Piagam Pelanggan
-------	----------------------	------------------

Hubungi Kami ▾

Utama Arkib 2018 Petikan Akhbar Utusan Malaysia - Ekonomi Negara Masih Berdaya Tahan

Utusan Malaysia - Ekonomi Negara Masih Berdaya Tahan

🕒 Selasa, Sep 18 2018



Ekonomi negara masih berdaya tahan

Utusan 18/9

PUTRAJAYA 17 Sept. - Ekonomi Malaysia secara keseluruhannya adalah kukuh dan mempunyai daya tahan yang tinggi walaupun negara sedang menghadapi pelbagai cabaran.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng berkata, pelaksanaan ekonomi negara adalah berdasarkan kepada lapan faktor iaitu yang pertama, pertumbuhan yang mantap.

"Ekonomi Malaysia dijangka tumbuh secara berterusan dan stabil. Pertumbuhan ini dipacu dengan permintaan domestik dan luaran.

"Dengan keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang dijajag tumbuh sekitar lima peratus pada 2018, Malaysia akan menjadi antara negara yang paling pesat berkembang di rantai ini," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Faktor kedua kata beliau ialah kepelbagaian ekonomi yang tinggi iaitu 54.5 peratus daripada KDNK yang terdiri daripada



LIM GUAN ENG

sektor perkhidmatan.

Selain itu, sektor pembuatan menyumbang sebanyak lebih 80 peratus daripada jumlah eksport.

Ketiga tambahnya, keadaan pasaran buruh yang menggalakan menyokong pertumbuhan ekonomi dan perkara tersebut dapat dilihat daripada kadar pengangguran yang rendah iaitu pada 3.4 peratus pada bulan Julai lalu.

"Gaji dalam sektor swasta juga telah meningkat dengan baik sebanyak 6.2 peratus untuk separuh pertama 2018," katanya.

Faktor keempat jelas beliau, Malaysia terus menikmati lebihan akaun semasa dan kelima menerusi kadar pertukaran mata wang yang fleksibel.

Kemum jelasnya, faktor penempatan luaran yang mencukupi dengan rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia (BNM) bernilai AS\$104.4 bilion (RM432.06 bilion) mencukupi untuk mengendalikan transaksi antarabangsa.

"Ketujuh adalah keadaan inflasi yang rendah pada bulan Jun dan Julai yang masing-masing berada pada kadar 0.8 dan 1.1 peratus.

"Faktor terakhir pula adalah konflik perdagangan antara China dengan Amerika Syarikat telah mewujudkan satu peluang unik bagi Malaysia," katanya.

**Pekeliling
Perbendaharaan**

 **Undian**

[BISNES](#)[AGENSI](#)[WARGA](#)

Perkhidmatan MOF

[Perkhidmatan Atas Talian](#)[Aplikasi Mudah Alih](#)[Laman Mikro](#)[e-Penyertaan & Maklumbalas](#)[Statistik & Prestasi](#)[Pautan](#)[Agensi](#)

Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

 03-8000 8000

 03-88823893 / 03-88823894

 [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: 14 Januari 2020 | Jumlah Pelawat: 27637216